

21 FEB 1997

DR M PUNYAI JADUAL KETAT KETIKA DI SEREMBAN ISNIN INI

SEREMBAN, 21 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempunyai jadual ketat ketika berada di sini, pada Isnin ini.

Jurucakap Kerajaan Negeri hari ini berkata, Perdana Menteri yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan memulakan acara rasmi dengan merasmikan Kompleks Elektronik Samsung di kawasan perindustrian Tuanku Ja'afar, Sungai Gadut dekat sini pada pukul 9.30 pagi.

Beliau kemudian akan diraikan dalam jamuan makan tengah hari di Allson Klana Resort di sini.

Selepas itu Perdana Menteri akan merasmikan Pusat Haemodialisis Mawar berharga RM6 juta di Jalan Rasah di sini pada pukul 3 petang.

Perdana Menteri akan menamatkan lawatannya di sini dengan menghadiri majlis Makan Malam Perdana di Padang NS di sini, pada pukul 8 malam.

Majlis itu dijangka turut dihadiri oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berada di bandar ini, Ahad ini.

Beliau akan merasmikan pelancaran skim perumahan kos rendah dan sederhana di pejabat projek Seremban Two Sdn Bhd di sini mulai pukul 9 pagi dan kemudian merasmikan Pesta Hari Kita Sekeluarga anjuran bersama Pertubuhan Confucian Negeri Sembilan dan MCA Negeri di Dewan Majlis Perbandaran Seremban di sini pada pukul 11 pagi. -- BERNAMA

RP PR